

Anwar tuntutan Parlimen adakan sidang khas
Malaysiakini.com
Sept 18, 2008
Muda Mohd Noor

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau telah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menuntut beliau mengadakan sidang khas Dewan Rakyat bagi membahaskan usul tergepar terhadap kerajaan pimpinannya.

"Saya telah membuat permohonan rasmi supaya Parlimen mengadakan sidang khas untuk membahaskan usul tidak percaya terhadap kepimpinan Barisan Nasional, selewat-lewatnya pada 23 September.

"Ini mengikut Peraturan 11 (3) Parliament sebagai respons segera terhadap politik hari ini," katanya.

Bercakap dalam satu sidang akhbar, pemimpin Pakatan Rakyat itu berkata, pakatan pembangkang mahu membahaskan usul tidak percaya terhadap Abdullah.

Anwar mahu sidang khas itu diadakan selewat-lewatnya Selasa depan.

"Jika permintaan tersebut ditolak, kami pemimpin Pakatan akan berbincang segera untuk mengambil pilihan lain.

"Kamu tidak boleh melengah-lengahkan sidang tergepar tersebut kerana majoriti ahli Parlimen sudah bersama kami.

"Kamu lihat dalam sidang Parlimen nanti jika tidak percaya," katanya.

Anwar juga berkata tiada sebab untuk beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Apa yang kita mahu ialah ahli Parlimen, termasuk Teresa Kok, diberi hak menghadiri Parlimen pada hari Selasa," katanya merujuk kepada ahli parlimen pembangkang itu yang ditahan di bawah ISA.

"Di segi politik, ekonomi kita dalam krisis, kita tidak boleh tangguh (ambil alih kuasa)," katanya.

Malah, kata beliau, Pakatan (jika memerintah) pun sukar dalam keadaan ekonomi sekarang.

Beliau juga mendakwa Abdullah sengaja tidak mahu menerima keadaan sebenarnya.

"Jika beliau tidak percaya, pergilah ke Parlimen" kata Anwar.

bm version parliament standing orders section 11 3"Jika beliau mahu melihat butir-butir (senarai), adakan sidang tergepar Parlimen dan beliau akan lihat...jika beliau tidak percaya saya, pergilah ke Parlimen," tambahnya.

Anwar turut mengulangi bahawa beliau mempunyai jumlah penyertaan ahli parlimen BN yang cukup untuk mengambil alih kuasa.

Beliau bagaimanapun mendakwa mereka tidak mahu identiti mereka didedahkan sekarang bagi mengelak mereka daripada diganggu.

Anwar juga ditanya sama ada penangguhan pengumuman nama mereka itu akan menjejaskan imejnya di mata umum.

"Saya telah kata, kita ada senarainya, dan akan berkongsinya dengan PM. Jika gagal, kita akan ke Parlimen. Apa lagi yang anda mahu saya buat? Anda mahu saya menamakan mereka dan biarkan mereka diganggu?"

Menurut Anwar, mereka meminta beliau supaya jangan mengumumkan nama mereka buat masa ini.

Beliau menegaskan bahawa mereka yang melompat parti itu mahu jaminan keselamatan mereka sebelum nama mereka didedahkan.

Ditanya mengapa beliau tidak mahu menunggu sehingga 13 Oktober apabila sidang Parlimen disambung semula, Anwar berkata, keadaan politik dan ekonomi negara tidak mengizinkan untuk menunggu sehingga tarikh tersebut.

"Berapa lama anda boleh tunggu? Apakah visi baru dan rancangan ekonomi untuk masa ini? Sebarang kerajaan yang bertanggungjawab harus sekurang-kurangnya mempunyai satu pasukan petugas untuk menangani krisis ekonomi.

Menurut, kerajaan tidak mempunyainya tetap ia perlu ditangani dengan segera.

Sidang akhbar itu turut dihadiri oleh setiausaha agung PAS, Datuk Kamaruddin Jaffar dan ahli jawatankuasa pusat DAP, Anthony Loke.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/89966>